

→ INFOGRAFIK

Buluh pelengkap Aidilfitri

➔ Pelbagai kegunaan, miliki nilai komersial tinggi

Info

Buluh

- ➔ Tergolong dalam kumpulan monokotilidon daripada keluarga Gramineae (rumpun-rumpai)
- ➔ Tumbuh di kawasan beriklim sederhana dan separa tropika
- ➔ Subur di kawasan terbuka dan bersaliran baik
- ➔ Didapati dalam dua bentuk iaitu **monopodial (berbatang tunggal)** dan **simpodial (berumpun)**



Buluh di Semenanjung Malaysia

- ➔ Tergolong dalam pertumbuhan **simpodial (berumpun)**
- ➔ Merangkumi tujuh **genera** iaitu Bambusa, Dendrocalamus, Dinochloa, Racemobambos, Schizostachyum, Thyrsostachys dan Gigantochloa

Dianggarkan
59
 SPESIES
 buluh dikesan
 di Semenanjung
 Malaysia

Oleh Fahmy Azril Rosli
 fahmy.azril@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Buluh cukup sinonim dengan masyarakat di negara ini khususnya orang Melayu sebagai pelengkap setiap kali sambutan Aidilfitri.

Tumbuhan yang tergolong dalam kumpulan Monokotilidon daripada keluarga Gramineae dalam subkeluarga Bambusoideae itu kerap digunakan sebagai bahan penyediaan lemang yang menjadi antara juadah hari raya.

Bagi masyarakat kampung, buluh digunakan sebagai sumber pelita atau dipanggil panjut bagi menghiasi kediaman pada malam tujuh likur menjelang lebaran.

Suasana di desa turut meriah apabila dentuman meriam buluh kedengaran di segenap pelosok kampung bagi menyambut hari raya walaupun ada kalanya boleh menyebabkan kecederaan seperti yang kerap dilaporkan media.

57 juta batang

Pensyarah Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Hazandy Abdul Hamid, berkata berdasarkan maklumat Inventori Hutan Nasional keempat (2002-2004), dianggarkan lebih 57 juta batang buluh berada dalam kawasan berhutan di Semenanjung Malaysia.

Di Malaysia, katanya, buluh kerap ditemui dengan ketinggian antara 16 meter (m) hingga 18m dengan garis pusat batang antara 10 sentimeter (sm) hingga 20sm.

"Ada juga beberapa spesies buluh yang boleh mencecah ketinggian sehingga 20m dengan diameter sehingga 30sm.

Kadar tumbesaran buluh boleh mencecah dari 20sm hingga 100sm sehari, bergantung pada spesies.

Spesies kulit nipis

Buluh yang digunakan dalam pembuatan lemang membabitkan spesies buluh lemang (*Schizostachyum Branchycladum*) dan buluh dinding atau nipis (*Schizostachyum Zollingeri*), selain ada yang menggunakan buluh semantan (*Gigantochloa Scortechinii*).

"Spesies berkenaan digunakan kerana memiliki kulit nipis iaitu antara 0.5sm hingga 0.8sm," katanya kepada BH, semalam.

Hazandy berkata, buluh mampu menjana pendapatan secara komersial dari segi sosioekonomi.

Sebagai contoh, katanya, kajian di China mendapati peranan sektor pembangunan buluh boleh menurunkan kadar kemiskinan dan mengekalkan tahap tinggi peluang pekerjaan di kawasan luar bandar.


"Dianggarkan 5.6 juta penduduk China bekerja dalam sektor ini dengan 80 peratus daripadanya berkhidmat dalam sektor penanaman buluh.

"Dari segi perdagangan, industri buluh di China mewakili antara empat hingga tujuh peratus perdagangan kayu tropika dan subtropika," katanya.



→ INFOGRAFIK

Asal dan baki hutan



Perbezaan

Monopodial

- Pertumbuhan **secara tunggal**
- Hidup dalam iklim **sederhana**

Simpodial

- Tumbuhan **berumpun**
- Hidup dalam iklim **tropika**

Kegunaan dan produk berasaskan buluh

- Lemang
- Panjut
- Meriam buluh
- Putu bambu
- Kayu penyepit
- Perabot
- Peralatan muzik
- Pencungkil gigi
- Galah
- Pencucuk sate



Jumlah dan peratus rumpun buluh di Semenanjung Malaysia


Spesies	Dinding	Beting	Semelang	Betong	Semantan	Beti	Jumlah keseluruhan
Jumlah	56,045,139	911,956	391,850	252,187	163,010	25,020	57,789,162
Peratusan	96.98%	1.58%	0.68%	0.44%	0.28%	0.04%	100%

→ Berdasarkan maklumat Inventori Hutan Nasional keempat



Rebung

- Bahagian lembut pada **tunas buluh muda**
- Dijadikan **sayur masakan atau ulam**
- Mengandungi **karbohidrat, protein** dan 12 jenis asid amino
- Dipercayai mengubati pelbagai **penyakit termasuk kanser**



Aktiviti pembesaran buluh



Sejarah penghasilan meriam buluh

- Tradisi yang bermula **lebih 140 tahun**
- Penduduk pada zaman dulu menggunakannya sebagai **alat menghalau haiwan liar**
- Ketika itu, penduduk selalu diancam haiwan seperti **harimau, harimau bintang dan gajah**
- Das tembakan kuat hasil **campuran kabait dan air** mampu menakutkan haiwan liar
- Sebelum Aidifitri, beberapa das tembakan akan **dilepaskan untuk 'membersihkan' kawasan** dari gangguan haiwan berkenaan